

Ucapan : Dato' Dr. Noraini Ahmad [Parit Sulong]
Tajuk : Status Pembersihan Parit Jayus 4, Mukim 18 Sri
Ucapan Medan Kawasan Parlimen Parit Sulong
Tarikh : 26 November, 2018 (Isnin)
Ucapan
Kementerian : Kementerian Air, Tanah Dan Sumber Asli

Tuan Yang di-Pertua,

Merujuk kepada perkara di atas, saya ingin mengemukakan usul berkenaan Perkara Tadbir Kerajaan di bawah Peraturan Mesyuarat 17 kepada Yang Berhormat Menteri Air, Tanah Dan Sumber Asli berkaitan isu status pembersihan Parit Jayus 4, Mukim 18 Sri Medan dalam kawasan Parlimen Parit Sulong. Untuk makluman, pada tahun 2008, Projek Pendalaman Sungai Simpang Kiri iaitu merupakan punca sungai di Parit Jayus telah pun dilaksanakan dengan peruntukan sejumlah RM32,809,095.00.

Akan tetapi pelaksanaannya sehingga kini, saiz sungai tersebut sehingga Parit Sulung kini kelihatan berukuran kecil dan tidak selari dengan pembangunan semasa manakala sungai dari Parit Sulung hingga Sri Medan masih tidak ada pelaksanaan pendalaman sungai.

Pada bulan Oktober 2018, saya telah menerima aduan dari penduduk di kawasan Mukim 18 Sri Medan untuk memohon dilakukan pembersihan parit yang telah tersumbat akibat hujan lebat sehingga menyebabkan air melimpah ke kawasan perumahan penduduk.

Ekoran daripada itu, saya telah mengemukakan surat sokongan kepada pihak Jabatan Pengairan Saliran (JPS) Johor Barat pada 15 Oktober 2018 berserta lampiran beberapa gambar untuk perhatian pihak JPS.

Pada 1 November 2018, pihak JPS telah pun mengeluarkan maklum balas bahawa kerja penggalian telah dijalankan pada tahun 2017 dan parit tersebut akan dimasukkan dalam program kerja 2019 bergantung kepada peruntukan jabatan dan keutamaan.

Keadaan menjadi semakin teruk apabila baru-baru ini di kawasan Sri Medan telah mengalami banjir sehingga menyebabkan air sungai melimpah sekali lagi ke dalam kawasan penduduk kampung di sepanjang Parit Jayus 4 sekali gus mengakibatkan banjir. Ekoran itu, pusat pemindahan banjir sementara telah ditubuhkan pada 13 November 2018 untuk membantu mangsa banjir dan dilaporkan seramai 16 buah keluarga telah melapor diri.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Parit Jayus 4, Mukim 18 Seri Medan merupakan sebahagian daripada kawasan saliran (*drainage area*) Projek Johor Barat yang telah siap dilaksanakan pada tahun 2000. Kawasan Saliran Projek Johor Barat meliputi kawasan seluas 24,000 hektar (240 kilometer persegi) dengan infrastruktur parit pertanian (*agriculture drainage*) sepanjang 400 kilometer, jalan ladang (*farm road*) sepanjang 215 kilometer, struktur kawalan saliran (*drainage control structure*) sejumlah 45 buah dan Lintasan Jambatan Sederhana (*medium traffic bridge*) sejumlah 64 buah.

Pada tahun 2008, Kementerian Air, Jabatan Pengairan Saliran Negeri Johor (JPS) telah siap melaksanakan kerja-kerja meningkatkan keupayaan luahan sungai dengan menggali dan mendalamkan Sungai Simpang Kiri dengan kos sebanyak RM32 juta. Walau bagaimanapun, kerja tersebut hanya melibatkan sebahagian jajaran Sungai Simpang Kiri sahaja dan tidak melibatkan jajaran di Seri Medan iaitu dari pekan Parit Sulong menuju ke Sungai Batu Pahat, Johor.

Tuan Yang di-Pertua,

Kejadian banjir baru-baru ini di Parit Jayus 4, Mukim 18 Seri Medan adalah disebabkan oleh kejadian hujan yang luar biasa di bahagian hulu kawasan tadahan iaitu di Chaah dan Segamat, di mana aliran air sungai mengalir ke bahagian hilir tadahan iaitu Seri Medan, Batu Pahat. Pada masa yang sama, Sungai Batu Pahat telah mengalami kejadian air pasang besar (*high water tide*).

Pertembungan senario ini telah menyebabkan aras air di Sungai Simpang Kiri tinggi dan aliran air dari parit pertanian dalam kawasan sekitar menjadi perlahan seterusnya membanjiri kawasan perkampungan.

Air larian (*surface runoff*) dari kawasan Seri Medan mengalir ke Sungai Simpang Kiri dan ke Sungai Batu Pahat sebelum mengalir ke laut Selat Melaka.

Pada tahun 2016 dan 2017, Jabatan Pengairan Saliran Negeri (JPS) Johor telah melaksanakan kerja-kerja pembersihan di Jajaran Sungai Simpang Kiri (Seri Medan) dengan jumlah kos berjumlah RM1.37 Juta.

Di samping itu, kerja-kerja penyelenggaraan parit-parit pertanian di bawah peruntukan Kerajaan Negeri di dalam kawasan Seri Medan juga telah dilaksanakan pada tahun 2017 dengan kos keseluruhan sebanyak RM588,630.

Kementerian Air, Tanah Dan Sumber Asli (KATS) dalam usaha mendapatkan peruntukan pembangunan khas daripada Kementerian Kewangan bagi menangani masalah banjir di kawasan Parit Sulong khususnya di Seri Medan, Batu Pahat, Johor.

Sekian, terima kasih.